

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATO' YANG DIPERTUA**  
**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN KORPORAT**  
**6 DISEMBER 2016 (SELASA), JAM 8.45 PAGI**

---

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

**Rakan Media**

**Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP**

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kena dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang terakhir bagi tahun 2016.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang ada pada pagi ini. Ribuan terima kasih juga kepada semua ahli majlis kita yang turut meluangkan masa untuk hadir ke Perhimpunan Korporat pada pagi ini.

## **1. Pencapaian MPSP Dalam Tahun 2016**

Tahun 2016, penuh dengan cabaran dan peluang (challenges & opportunities) untuk kita menambahbaik kualiti perkhidmatan MPSP. Fokus MPSP 2016 merupakan perancangan tahunan MPSP yang diterjemahkan dari Pelan Strategik MPSP. Sehingga November 2016, pencapaian bagi semua fokus adalah 96.24%.

Sukacita dimaklumkan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima anugerah/pencapaian seperti berikut:

### **a) *Global Human Settlements Outstanding Contribution Award***

*The United Nations Conference on Housing and Sustainable Urban Development & the 11th Global Forum On Human Settlements* telah menganugerahkan kepada YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP "*Global Human Settlements Outstanding Contribution Award*" di atas segala usaha-usaha dan kesungguhan beliau dalam menjadikan Seberang Perai sebuah bandar mampan. Majlis penyampaian

anugerah tersebut telah diadakan pada 18 Oktober 2016 di Quito, Ecuador.

**b) Anugerah Khas Menteri dan Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Sempena Sambutan Hari Karnival KPKT 2016**

MPSP telah dianugerahkan Anugerah Khas Menteri untuk PBT yang cemerlang. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada Hari Karnival KPKT 2016 yang diadakan pada 3 Disember 2016 dan disampaikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sendiri. MPSP telah mendapat piala pusingan Anugerah Khas Menteri, piala dan sijil. Kita perlu pertahankan piala pusingan ini supaya tetap kekal di MPSP pada tahun depan dan tahun-tahun yang akan datang.

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2016 sempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia pada tahun ini. Sebanyak enam

inisiatif disediakan untuk disertai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia seperti berikut:

- i. Inisiatif Penyediaan Laluan Basikal Di Kawasan PBT
- ii. Inisiatif Penyediaan Laluan Pejalan Kaki Di Kawasan Pusat Bandar Dan Kawasan Perniagaan
- iii. Inisiatif Pembangunan Kebun Kejiranan
- iv. Inisiatif Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS)
- v. Inisiatif Program Pengkomposan Sisa

MPSP telah menyertai program ini dengan menghantar penyertaan bagi setiap inisiatif. Hasil penilaian oleh panel juri dan lawatan tapak yang diadakan, MPSP telah mendapat anugerah bagi kategori Majlis Perbandaran untuk dua inisiatif iaitu Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Program Pengkomposan Sisa. Setiap anugerah mendapat piala, sijil dan wang tunai RM4,500.00 setiap satu.

### **c) MIP Planning Excellence Awards 2016 (MIP PEA 2016)**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dinobatkan untuk menerima dua anugerah oleh Malaysian Institute of Planner (MIP) sempena MIP Planning Excellence Awards 2016 pada 25 November 2016. Majlis Penyampaian Anugerah ini telah disaksikan oleh Duli Yang Maha

Mulia Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan DYMM Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan. Anugerah yang telah diterima oleh MPSP adalah :

- MPSP telah dinobatkan sebagai penerima *Recognition Awards* yang mana buat julung kalinya MIP memilih 10 buah Kerajaan Tempatan terbaik seluruh Malaysia untuk menerima anugerah ini. Anugerah ini adalah berdasarkan pencapaian dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MPSP sejajar dengan *good governance dan Sustainable Development*.
- MPSP dinobatkan sebagai penerima *Merit Awards* bagi Kategori *Community Based Planning Category* yang dianugerahkan kepada *Project Butterworth Baharu Programme : Community Engagement Approached in Pekan Lama Regeneration Plan*.

**d) Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016  
Peringkat Negeri Pulau Pinang**

Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 telah diadakan pada 25 Oktober 2016 di Ruang Pameran Paras 3, KOMTAR. MPSP telah menerima beberapa anugerah sempena Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 iaitu:

- i. Johan (*Anti-Theft Sliding Door For Lamp Post (A-Test Door)*) dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.
- ii. Naib Johan (Alat Perangkap Lalat) dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.
- iii. Tempat Ketiga (*eMahkamah*) dalam kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.
- iv. Anugerah Khas (*Kad Pemberitahuan Tunggalan Cukai Tafsiran*) dalam kategori Pengurusan Kewangan sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.

Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan dan hadiah pemenang anugerah telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**e) Audit Persijilan Semula 5s MPSP pada 29 November 2016**

Amalan 5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Pelaksanaan 5S yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.

MPSP telah mendapatkan persijilan 5S daripada MPC mulai tahun 2014. Persijilan adalah bagi skop pendaftaran Bangunan Ibu Pejabat MPSP, Perda dan diperbaharui setiap tahun untuk memastikan MPSP masih relevan dan konsisten dalam melaksanakan 5S.

Pada 2 November 2016, pihak MPC telah mengadakan Pra Audit 5S MPSP atas kehendak pengurusan yang melihat hasil pengauditan Audit Dalaman 5S, di mana wujud ketidakseimbangan pelaksanaan 5S antara jabatan-jabatan MPSP. Ada yang mempunyai Amalan Terbaik dan ada yang masih di peringkat awal pelaksanaan kerana

salah satu faktor komitmen daripada sesetengah kakitangan yang tidak membudayakan 5S serta amalan yang tidak konsisten.

Hasil pelaksanaan Pra Audit berkenaan, pihak Auditor MPC telah mengemukakan beberapa ruang penambahbaikan yang harus diberikan fokus oleh semua zon/jabatan untuk diambil tindakan segera. Pihak pengurusan telah memberi makluman dan mengeluarkan arahan agar tindakan diambil oleh jabatan untuk memastikan budaya 5S di MPSP dilaksanakan secara berterusan. Pada 29 November 2016, Audit Persijilan Semula 5S telah dilaksanakan oleh MPC sekali lagi. Hasil pengauditan yang dilaksanakan, MPSP telah disyorkan untuk Persijilan Semula 5S dengan penambahbaikan-penambahbaikan yang telah dicadangkan kepada zon/jabatan untuk tindakan. Apa yang diharapkan adalah usaha berterusan untuk menghidupkan budaya kualiti setiap hari dan merealisasikan persekitaran kerja yang kondusif setiap masa.

#### **f) Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) 2016**

MPSP telah berjaya untuk mendapat Anugerah Persembahan Terbaik dalam Konvensyen KIK peringkat Negeri Pulau Pinang pada 8 September 2016 melalui tajuk projek Masalah Mengenalpasti Binaan Tanpa Kebenaran (*Freeriders*) Untuk Tujuan Kadaran oleh

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. MPSP telah berjaya mendapat penghargaan sebagai Persembahan Terbaik Kumpulan KIK untuk tiga (3) tahun berturut-turut.

#### **g) Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016**

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2016 telah diadakan pada 13 Oktober 2016 bertempat di Dewan Kristal KPKT, Putrajaya. Dalam majlis ini, MPSP telah berjaya tersenarai antara lapan (8) PBT yang terbaik dalam kategori Anugerah Inovasi Kerajaan Tempatan (AIPBT) 2016 dan telah menerima penghargaan sebanyak RM100,000.00. Majlis telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

#### **h) Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016**

Dimaklumkan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai telah berjaya memenangi pertandingan Tandas Bersih bagi kategori Tandas Awam milik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2, bertempat di

Mydin Mall, Jalan Baru. Bagi kategori yang dipertandingkan, MPSP telah berjaya memenangi hadiah seperti berikut: Tempat Pertama bagi kategori Tandas Awam Kompleks Makanan Taman Sentosa, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Saguhati bagi Tandas Awam Pasar Awam Penanti, Seberang Perai Tengah dan Tandas Awam Kompleks Makanan Taman Robina, Seberang Perai Utara. MPSP telah berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000.00, sijil berserta trofi bagi Tempat Pertama serta sijil berserta trofi untuk Saguhati.

#### **i) Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan 2016**

Dimaklumkan MPSP telah berjaya mendapat 5 Bintang di dalam Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan 2016 yang telah dijalankan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia pada 20 dan 21 Julai 2016.

#### **j) Malaysia Book of Records**

Pada bulan Julai yang lalu, MPSP telah mendapat pengesahan daripada *The Malaysia Book of Records (MBR)* atas pencapaian sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang mendapat enam (6) persijilan Sistem Pengurusan Kualiti iaitu:

1. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)

2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
3. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
4. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
5. Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS)
6. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

#### **k) Sukan**

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Hoki MPSP yang telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Kategori Terbuka Lelaki Sempena Kejohanan Hoki MAKSAM Malaysia Tahun 2016. Pasukan Hoki MPSP juga telah mendapat **piala iringan** bagi Kategori Terbuka Kejohanan Hoki Piala Dato' Bandar MBPJ 2016.

Syabas juga kepada Pasukan Boling Padang MPSP yang telah mengharumkan nama MPSP di peringkat antarabangsa dimana mereka telah berjaya memenangi Tempat Pertama Kategori Boobie di Royal Bangkok Sports Club (RBSC) 2016 International Lawn Bowls Open Triples yang berlangsung di Bangkok Thailand. Kejohanan 6 hari yang berlangsung dari 30 Ogos hingga 4 September 2016 ini mempertandingkan sebanyak Tiga Kategori

iaitu Kategori Cup, Plate dan Boobie dan disertai oleh 24 Pasukan dari Lapan Negara iaitu Thailand, British, India, Filipina, China, Korea, Japan dan Malaysia. Pasukan MPSP diwakili oleh Tn Hj. Abdul Rahman Shariff (Korporat), Tn. Hj. Zanzuri Hashim (Bangunan) dan En Wahyudi Wahid (Perbandaran).

Tahniah saya ucapkan kepada semua.

## **2. Pentadbiran**

Sehingga kini, MPSP mempunyai 4320 kakitangan dimana 1479 orang adalah berjawatan tetap, 2840 orang adalah berjawatan kontrak dan 1 orang adalah berjawatan sambilan. Pelantikan kakitangan baru untuk tahun 2016 adalah seramai 331 orang.

### **Disiplin/Tatatertib**

Pada tahun ini, sehingga November 2016, MPSP telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 9 kes berbanding tahun lepas iaitu 15 kes. Manakala bagi kakitangan kontrak yang ditamatkan perkhidmatan / kontrak tidak diperhaharui terdapat 154 kes untuk 2016 berbanding 135 kes tahun 2015. Saya menyeru semua kakitangan MPSP sentiasa menjaga tatatertib semasa menjalankan tugas dan tiada kelewatan datang bertugas di tempat kerja. Memastikan semua peraturan perkhidmatan dipatuhi

semasa menjalankan tugas seperti etika berpakaian, pengisytiharan harta, meningkatkan layanan terhadap pelanggan dan lain-lain.

Oleh yang demikian, semua ketua-ketua jabatan harus memberikan perhatian yang serius ke atas perkara ini. Kakitangan yang bermasalah haruslah dirujuk dengan Pihak Berkuasa Pelantikan & Tatatertib agar ia tidak menjadi barah dan sukar untuk diatasi.

Penjawat Awam perlu menjaga etika semasa bekerja. Sebarang penyaluran maklumat perlulah melalui saluran yang tepat. Begitu juga dengan setiap cadangan perlu dikemukakan kepada saluran yang betul iaitu melalui penyelia, pegawai atasan, Ketua Jabatan serta Anulea / MBJ bukannya melalui media sosial / *facebook*.

### **Integriti**

Nilai integriti perlu ada dalam diri setiap kakitangan MPSP sama ada melalui penampilan, sikap dan keputusan yang diambil. Jika tidak mempunyai nilai integriti dalam melaksanakan tugas, maka ianya akan merosakkan reputasi organisasi secara keseluruhan.

Bagi isu pemalsuan permit stiker banner, lesen premis perniagaan dan lesen hiburan awam, MPSP telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- i. membuat penambahbaikan terhadap ciri-ciri keselamatan permit sticker banner.
- ii. menyenarai hitamkan syarikat terbabit.
- iii. bermula Disember 2015 sehingga 10 November 2016, terdapat lapan (8) kes pemalsuan lesen dan permit yang telah dilaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sehingga kini satu tangkapan telah berjaya dibuat oleh pihak PDRM.

### **Latihan**

Bagi memantapkan dan meningkatkan prestasi kakitangan, MPSP telah merangka dan melaksanakan pelan latihan berdasarkan keperluan kerja dan kemahiran kakitangan yang meliputi pengurusan sumber manusia, pemantapan integriti, pengurusan ICT, pengurusan kebersihan, pengurusan kualiti, pengurusan kewangan dan aset, pengurusan aduan dan perhubungan awam, perundangan penguatkuasa dan kehakiman, seni pengindahan, keselamatan dan kesihatan pekerja, pengukuhan semangat berpasukan dan peningkatan motivasi. Bagi tahun 2016 kursus-kursus yang disediakan adalah, 200 kursus dalaman, 150 kursus

luaran dan 24 kursus luar Negara (36 orang). Jumlah kakitangan yang hadir ke kursus adalah seramai 3738 orang.

MPSP juga memberi peluang kepada kakitangan untuk memperolehi pendedahan dan ilmu kemahiran kerja sehingga latihan ke luar Negara yang bertujuan untuk memantapkan kecekapan dan kompetensi kakitangan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

### **Pengauditan**

Untuk tahun 2016, MPSP telah menerima dua (2) laporan dari Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang iaitu Laporan Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang dimasukkan ke dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2015 dan Laporan Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan di MPSP yang dimasukkan ke dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2015.

Untuk Laporan Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS), Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Jalan, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Tengah (JKRSPT), Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Utara (JKRSPU) dan Majlis Perbandaran

Seberang Perai (MPSP). Terdapat beberapa teguran yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara iaitu :

1. Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan.
2. Rekod MARRIS tidak dikemas kini.
3. Perjanjian kontrak lewat ditandatangani.
4. Laporan siasatan aduan lewat disediakan.

Manakala untuk Laporan Pengurusan Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan di MPSP, laporan tersebut telah dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016. Setelah tiga (3) bulan menjalankan pengauditan, pihak JAN telah mengenalpasti enam (6) penemuan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan seperti berikut :

- Tempoh kelulusan lesen tidak munasabah.
- Kutipan hasil lesen tidak mencapai anggaran yang ditetapkan.
- Premis perniagaan beroperasi tanpa lesen.
- Pelanggaran syarat lesen.
- Pengurusan kompaun kurang memuaskan.
- Pengurusan sistem e-Lesen kurang memuaskan.

Secara keseluruhannya, penemuan-penemuan yang dilaporkan di berkaitan Laporan Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan MPSP telah diambil tindakan penambahbaikan oleh semua jabatan yang terlibat.

### **3. Dasar Pengasingan di Punca pada 1 Jun 2016**

Bermula 1 Jun 2016 yang lepas, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan sahaja. Bagi kawasan perumahan strata, ianya adalah dibawah tanggungjawab pihak pengurusan / *Joint Management Body (JMB) / Management Committee (MC)*. Pihak Pengurusan/JMB/MC perlu dan memastikan agar dasar ini dilaksanakan dikawasan operasinya.

Kutipan barangan kitar semula dibuat pada setiap hari Sabtu dan dikumpulkan di 8 depo MPSP. Antaranya adalah :

1. Depo Kepala Batas
2. Depo Tasek Gelugor
3. Depo Bagan
4. Depo Ampang Jajar
5. Depo Berapit

6. Depo Jalan Betek
7. Depo Asas Murni
8. Depo Jawi

Saya ingin memaklumkan disini sejak bermulanya pelaksanaan dasar ini, jumlah kutipan barang kitar semula oleh MPSP dari kawasan perumahan di seluruh Seberang Perai sehingga November 2016 adalah sebanyak 200,266 kg.

MPSP telah membuat kutipan barang kitar semula di kawasan skim perumahan sahaja meliputi keseluruhan kawasan operasinya (kesemuanya 39 zon). Bagi lain-lain kategori, ianya diuruskan oleh pihak pengurusan dan tarikh atau kekerapan penjualan bergantung kepada kapasiti barangan yang dikumpulkan. Di taman perumahan, selain kutipan oleh MPSP, terdapat lain-lain kutipan seperti :

- i. Penduduk sendiri membuat pengasingan dan menjual sendiri kepada agen kutipan
- ii. Penduduk menghantar ke pusat pengumpulan berpusat dan menjual melalui agen yang dilantik oleh mereka.
- iii. Terdapat pengumpul barangan kitar semula persendirian (*scavenger*) yang bergerak di kawasan taman perumahan.

Semua warga MPSP perlu melaksanakan pengasingan sisa di punca di rumah masing-masing. Kita perlulah menjadi tauladan kepada orang ramai bahawa kakitangan MPSP juga menjalankan pengasingan sisa.

#### 4. ***Local Action 21***

Bagi melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca, sebanyak 20 program di bawah *Local Action 21* diadakan iaitu:

- Anugerah Sekolah Hijau
- Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika
- Anugerah Kitar Semula Sekolah-Sekolah
- Anugerah Komuniti Mampan
- Program Sisa Sifar Sekolah
- Program Sisa Sifar Komuniti
- Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah
- Pengkomposan
- Program Pengindahan Bandar
- Membuat Mud Ball
- Kempen Makan Sampai Habis
- Kebun Kejiranan (Community farming)
- Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah Tadika

- Pengumpulan Kotak Minuman
- Membuat Sabun Dari Minyak Masak Terpakai
- Membuat Cecair BIM
- Bengkel
- Taklimat
- Lawatan
- Program *Upcycle*

Program di bawah *Local Action 21* ini hendaklah diteruskan dan dibincangkan dengan lebih kreatif untuk mendapatkan *outcome* yang lebih baik.

##### **5. *Butterworth Fringe Festival***

Penganjuran BFF buat kali kedua ini adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival (GTF). BFF merupakan salah satu program yang dilancarkan selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baru. Seperti yang kita sedia maklum, Pelan Butterworth Baharu merupakan pelan pembangunan semula Bandar Butterworth sebagai hub pengangkutan awam di Konurbasi Wilayah Utara. *Butterworth Fringe Festival* telah diadakan pada 13 dan 14 Ogos 2016 di Jalan Jeti Lama, Butterworth ini adalah

berkonsepkan “*A Street Festival – Accesible to The Public*” dan menjanjikan pelbagai persembahan bukan sahaja daripada artis tempatan tetapi juga antarabangsa untuk tatapan para pengunjung. Kreativiti dan asimilasi budaya yang dipersembahkan dalam BFF ini adalah selaras dengan usaha menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif dan kreatif, sekaligus membawa kelainan kepada kepada seluruh penduduk Seberang Perai khususnya dan negeri Pulau Pinang amnya. BFF 2016 telah dianggarkan dengan kedatangan pengunjung berjumlah 20,000 orang berbanding pengunjung pada tahun 2015 adalah 15,000 orang. BFF adalah sebuah festival antarabangsa yang mana pengisian program adalah menfokuskan persembahan acara tempatan dan jemputan daripada negara-negara luar. Pengisian program yang dirancang mengandungi 31 acara dari komponen tempatan dan 6 acara komponen antarabangsa. Acara keseluruhan adalah 37 acara yang mana terdiri daripada dua kompenon utama iaitu 31 acara tempatan atau 83.78 % dan 6 acara antarangsa atau pecahan peratusan berjumlah 16.22%. BFF akan terus diadakan pada Ogos 2017 dan adalah amat diharapkan kerjasama semua pihak dalam menjayakan BFF 2017.

## 6. SPICEC 2016

MPSP telah melaksanakan seminar peringkat antarabangsa pada 23 hingga 25 November 2016 yang bertajuk *Seberang Perai International Conference on Eco Tourism and Conservation Effort 2016 (SPICEC)*. Seminar ini telah memberi peluang kepada kakitangan dalam melaksanakan dan menguruskan acara yang berskala besar dan antarabangsa di mana melibatkan speaker dan peserta dari seluruh Negara. Dengan itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, semua kakitangan terlibat yang menjayakan seminar antarabangsa yang pertama bagi MPSP. Bagi seminar ini, MPSP telah berjaya menjemput 11 penceramah (5 penceramah dari luar negara dan 6 penceramah dari dalam negara). Seramai 275 peserta yang mengambil bahagian dengan 269 adalah peserta tempatan dan 6 dari luar negara. Dalam seminar tersebut, MPSP juga telah :

- Berazam untuk membangunkan eko-pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar di Seberang Perai.
- Berkomited untuk meningkatkan infrastruktur dalam menggalakkan eko-pelancongan dan pada masa yang sama, untuk memelihara alam semula jadi Seberang Perai melalui

penyertaan masyarakat setempat dan tidak terpengaruh dengan hanya permintaan pasaran.

- Berkomited untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat setempat untuk bekerjasama dalam pemuliharaan alam sekitar bagi eko-pelancongan dan mewujudkan peluang perniagaan dan membangunkan ekonomi tempatan.
- Usaha pemuliharaan alam di Seberang Perai perlu diteruskan dengan mengarusperdanakan industri eko-pelancongan, tetapi pembangunan eko-pelancongan tidak boleh mengubah keaslian atau eko-sensitiviti kawasan-kawasan tertentu.
- Teluk Air Tawar - kawasan pantai Kuala Muda perlu dilindungi sebagai hutan bakau simpan dan usaha akan dibuat untuk menyenaraikan kawasan itu sebagai *RAMSAR Site*, dan merangsang usaha pemuliharaan pelancongan di Seberang Perai yang akan memberi peluang ekonomi kepada masyarakat tempatan.

Dengan itu, satu unit baru iaitu Unit Pelancongan dan Warisan telah ditubuhkan dan diketuai oleh Encik Ridzal bin Abdul yang akan mengkaji, merancang dan melaksanakan program dan kegiatan pelancongan di Seberang Perai. SPICEC yang akan datang akan diadakan pada tahun 2018.

## **7. Penanaman Pokok**

Bagi menghijaukan Seberang Perai, sebanyak 729 pohon pokok telah ditanam oleh MPSP dari Januari-November 2016. Manakala 5218 pohon pokok telah ditanam oleh pemaju bagi tempoh yang sama.

Dibawah program pengindahan, MPSP juga menjalankan beberapa program seperti:

- Program Pengindahan Di Taman Tunku, Seberang Jaya, SPT - Penanaman sebanyak 205 batang pokok Tekoma
- Program Pengindahan Di Tapak Perpustakaan Jalan Pantai, Butterworth, SPU - Penanaman sebanyak 15 batang pokok Tekoma
- Program Projek *Corporate Sosial Responsibility (CSR)* Tebatan Banjir & Taman Linear, Bandar Tasek Mutiara –

Penanaman sebanyak 2 batang pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea Odorata*), 830 batang pokok Kelat Paya (*Eugenia Oleina*), 5 batang pokok Yellow Bells (*Tecoma stans*) dan 420 batang pokok Lady Palm (*Rhapis excels*)

- Cadangan Projek CSR *Star Sanctuary Seberang Perai Photography Awards (SSSPP AWARDS)*
- Program 4P, Penanaman Pokok Bakau – penanaman sebanyak 200 batang pokok Bakau Minyak. Anjuran Disco Hi-Tec (Malaysia) Sdn Bhd dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 12 November 2016 di Tingkat Perindustrian 4A, Kawasan Perindustrian Perai, Seberang Perai Tengah
- *Seberang Perai International Conference On Ecotourism And Conservation Efforts (SPICEC) 2016* - Penanaman 5 batang pokok *Bucida Molineti Var* sempena majlis perasmian SPICEC 2016 pada 24 November 2016 di Lebuhraya 2, Seberang Jaya (hadapan The Light Hotel)

- Program Penanaman Pokok “*Tree For A Tree*” – Penanaman sebanyak 1,000 batang pokok Bakau Minyak. Anjuran Tenaga Nasional Berhad (Cawangan Perda) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri, Pulau Pinang dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) Malaysia pada 26 November 2016 di Kg. Kuala Sungai Aceh, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan
- Hari Perancangan Bandar Sedunia 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang – penanaman sebanyak 300 batang pokok seperti Merawan Siput Jantan, Tekoma, Penaga Lilin, *Golden Shower*, Semarak Api dan Bertam.
- Projek Penanaman Pokok – Penanaman sebanyak 50 batang pokok Hujan-Hujan (*Samanea saman*) oleh LIONS Club di rezab Jalan Song Ban Keng.

## 8. **Safer**

Bagi program Bandar Selamat, sebanyak 130 unit CCTV telah dipasang di 100 lokasi seluruh Seberang Perai. MPSP juga telah menyediakan tempat letak motosikal berkunci untuk ‘Program Bandar Selamat’ di Rumah Pangsa Desa Wawasan, Bukit Mertajam, SPT dan di Rumah Pangsa Jalan Mohd Saad, SPU.

Manakala 2 projek menaiktaraf laluan pejalan kaki telah siap dijalankan di Jalan Jenahak, Seberang Jaya, SPT dan Taman Puteri Gunung, SPS. Majlis perasmian laluan pejalan kaki di Taman Puteri Gunung akan diadakan pada 11 Disember 2016.

## 9. **Healthier**

Sepanjang tahun 2016, pelbagai program telah dianjurkan seperti *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*, Senamrobik Bersama MPSP, *Butterworth Discovery Walk*, *Root Fest*, program kayuhan basikal, larian dan juga program-program yang diadakan bawah Persatuan PESUKA seperti Program Adventure Pulau Jerejak, Program Ekspidisi Santai Bukit Bendera, Program Jom Hiking Bukit Gua Gong, Kedah, Program P Gunung Baling, Kedah, Program Ekspedisi Gunung Pulai, Baling Kedah, Program Eksplorasi Air Terjun, Ulu Kenas, Perak, Pertandingan Badminton antara Jabatan, Pertandingan Snuker Tertutup bersama Ahli Majlis, Program Jom Hiking Bukit Bendera, Pertandingan Futsal Tertutup MPSP, Pertandingan Bola Jaring antara Jabatan dan Program Jom Terokai Keindahan Bukit Berekeh@Bukit Botak, Perak. Manakala Kejohanan Bowling Antara Jabatan MPSP akan dijalankan pada 17 Disember 2016.

Kejohanan Bola Jaring MALA 2016 Anjuran MPSP Dan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) akan diadakan pada 9 & 10 Disember 2016. Sebanyak 18 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan menyertai Kejohanan Bola Jaring. Kejohanan ini akan diadakan di SMK Pokok Sena, Kepala Batas dan SK Bandar Baru, Bandar Perda. Mankala Kejohanan Golf MALA 2016 Anjuran MPSP dan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) akan diadakan pada 10 Disember 2016 di Penang Golf Resort, Bertam, Seberang Perai Utara. Sebanyak 23 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan bertanding bagi kategori pasukan dan 12 penyertaan bagi kategori VIP yang terdiri daripada Yang Dipertua dan Setiausaha PBT. Majlis Penutup MALA 2016 akan diadakan pada 10 Disember 2016 bertempat di Ruang Legar Ibu Pejabat MPSP. Penyampaian hadiah kepada pemenang bagi Kejohanan Golf MALA 2016 dan Kejohanan Bola Jaring MALA 2016 akan diumumkan semasa Majlis Penutup MALA. Selain itu, Juara keseluruhan untuk aktiviti Sukan MALA bagi tahun 2016 juga akan diumumkan semasa majlis tersebut.

## Cabaran-Cabaran dan Halatuju 2017

### 1. Bajet

Bagi bajet tahun 2017, anggaran pendapatan adalah sebanyak RM257.3 juta dan anggaran perbelanjaan adalah sebanyak RM279.1 juta. Majlis menjangka defisit sebanyak RM21.8 juta pada tahun 2017. Salah satu cabaran yang besar yang dihadapi oleh Majlis adalah bagaimana kita boleh mengurangkan defisit tahun 2017 yang belum mengambil kira tanggungan kos untuk rebat 6% dan pelepasan cukai taksiran bagi tahun 2017. Pada tahun 2017, jumlah pelepasan cukai taksiran bagi tahun 2017 yang merangkumi jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah adalah sebanyak RM6,035,077.00. Ini adalah kerana semua pemilik pegangan jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah akan sekali lagi menikmati pelepasan cukai taksiran bagi tahun 2017. Selain itu, MPSP juga akan menanggung jumlah pemberian rebat 6% ke atas cukai taksiran bagi tahun 2017 sebanyak RM9,907,892.00. Rebate 6% ini adakah diberikan kepada semua pemilik pegangan **SELAIN** jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah. Oleh itu, saya berharap agar semua kakitangan dapat bersama-sama membelanjakan duit Majlis

secara berhemah dan menjimatkan duit seolah-olah ia adalah duit kita sendiri. Komitmen yang tinggi daripada setiap kakitangan kepada setiap tugas yang diberikan, tanpa mengira sama ada yang berpangkat tertinggi ataupun terendah, amatlah diperlukan dalam penjimatan duit Majlis dan penjanaaan hasil baru Majlis supaya Majlis dapat mengurangkan defisit kepada tahap yang paling minimum. Dan saya juga semua kakitangan dapat berbelanja dengan berhemah dan setiap jenis perbelanjaan perlu ada *value for money*.

Bagi AP 58, semua dokumen bayaran bagi kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga bulan November 2016 dan penyata pendahuluan diri bagi program sehingga bulan November 2016 sepatutnya telah diserahkan kepada Jabatan Perbendaharaan untuk proses bayaran . Sekiranya dokumen yang dikemukakan selepas 5 Disember 2016, jabatan atau kakitangan yang berkaitan perlu kemukakan surat tunjuk sebab kelewatan kepada Jabatan Perbendaharaan.

Semua jabatan diperingatkan supaya memastikan semua dokumen bayaran untuk bekalan/kerja/perkhidmatan yang dilaksanakan pada bulan Disember 2016, tuntutan perjalanan dan

tuntutan lain oleh kakitangan untuk bulan Disember 2016, akaun amanah dan penyata pendahuluan diri perlu diserahkan kepada Jabatan Perbendaharaan sebelum atau pada 5 Januari 2017. Semua kakitangan juga diingatkan bahawa sesiapa yang tidak menyerahkan Penyata Pendahuluan Diri bagi program bulan November 2016 sebelum atau pada 5 Januari 2017 akan dikenakan tindakan potongan gaji.

Saya (YBhg. Dato' YDP) ingin menegaskan bahawa AP58(a) bagi tahun 2016 tidak akan diluluskan melainkan dengan sebab-sebab yang konkrit dan munasabah. Sehubungan dengan itu, semua jabatan diminta agar merancang dengan lebih awal bagi mengelakkan penyerahan dokumen bayaran pada saat akhir bagi memastikan urusan pembayaran dan perakaunan bagi tahun 2016 tidak terganggu. Ketua Jabatan hendaklah mematuhi tarikh akhir penyerahan dokumen bayaran dengan mengambilkira beban tugas dan keupayaan masing-masing. Jabatan Perbendaharaan akan menolak dokumen bayaran selepas tarikh akhir yang ditetapkan. Semua kakitangan juga diingatkan bahawa sesiapa yang telah mengambil pendahuluan diri bagi program bulan Disember 2016 tetapi tidak menyerahkan Penyata Pendahuluan

Diri sebelum atau pada 5 Januari 2017 kepada Jabatan Perbendaharaan akan dikenakan tindakan potongan gaji.

YAB Ketua Menteri juga telah mengumumkan bonus setengah bulan gaji atau minimum RM700 untuk kakitangan awam negeri. Selain itu YAB Ketua Menteri juga memaklumkan bahawa kerajaan negeri juga akan memberikan bayaran tambahan sebanyak satu perempat gaji kepada penjawat awam yang tidak mengambil cuti sakit swasta melebihi 4 hari sehingga November 2016 sebagai insentif kehadiran kerja.

Oleh itu, jumlah anggaran bonus bagi MPSP adalah sebanyak RM5.175 juta, akan dibayar dalam gaji bulan Disember 2016. Ini adalah satu tanda penghargaan kepada semua kakitangan awam terutamanya mereka yang tidak mengambil cuti sakit swasta melebihi 4 hari dalam setahun ini.

Diharapkan bayaran bonus ini akan meningkatkan semangat kakitangan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi pada tahun mendatang.

## 2. Banjir

Kita sudah sedia maklum bahawa penghujung tahun adalah musim hujan di kebanyakan kawasan termasuklah bagi Seberang Perai. Musim hujan pada tahun ini yang mana hujan lebat bertembung dengan fenomena air pasang besar telah menyebabkan banjir yang berulang di beberapa lokasi. Selain daripada faktor hujan lebat dan fenomena air pasang besar, faktor lain yang menjadi penyumbang utama kepada kejadian banjir yang berulang kali di kawasan-kawasan rendah di Seberang Perai adalah sikap masyarakat yang suka membuang sampah merata-rata termasuklah kedalam sistem saluran seperti longkang dan parit monsun sehingga menyebabkan longkang dan parit monsun tersumbat. Oleh itu, kita sendiri perlu sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan banjir daripada berlaku dengan menggiatkan kerja-kerja pembersihan bagi sistem longkang dan parit serta perangkap sampah disamping memastikan rumah pam milik MPSP beroperasi sepenuhnya. Selain itu projek-projek naik taraf parit yang dijalankan oleh MPSP adalah projek berdasarkan perancangn MPSP terhadap lokasi *hot spot* banjir. Kebanyakan lokasi *hot spot* banjir adalah di kawasan perumahan lama yang mempunyai sistem saluran/perparitan yang lama selain daripada masalah sampah yang menghalang pergerakan air ke parit

buangan. Pembinaan/Naiktaraf ini dijangka dapat membantu melancarkan aliran air ke parit buangan/sungai sekaligus mengurangkan masalah banjir kilat yang sering berlaku. Bagi mengurangkan masalah banjir, 3 projek menaiktaraf sistem perparitan dan rumah pam sedang dijalankan di Taman Merak, Taman Kijang dan Taman Chai Leng. Sebanyak 5 projek naiktaraf longkang dan parit akan dijalankan pada tahun 2017 dengan anggaran kos RM4.93juta. Projek tersebut adalah di Taman Inderawasih, Taman Senangin, Taman Alma, Taman Nibong Tebal dan Taman Helang Jaya. Kini kelima-lima projek ini adalah di peringkat penyediaan rekabentuk dan dokumen tender.

### **Projek Pembangunan**

Dalam langkah mempercepatkan proses permit pembangunan (Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Landskap dan Perihal Tanah) MPSP telah mengikut Garis Panduan Penambahbaikan OSC 3.0 KPKT mulai 1 April 2015. MPSP juga telah mula melaksanakan Prosedur Pengemukakan dan Pemprosesan Permohonan Secara Online (OSC Online) mulai 1 Februari 2016. Tindakan tersebut merupakan antara usaha daripada pihak Kerajaan dalam

menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam bidang hartanah.

Di sini, suka juga saya maklumkan bahawa bagi pembangunan di Seberang Perai, terdapat banyak permohonan pembangunan yang diterima oleh MPSP. Prestasi permohonan telah diselesaikan dalam tempoh piagam iaitu dari 53.28% pada tahun 2007 telah mencatat peningkatan setiap tahun sehingga 78.63% bagi tahun 2012, 85.61% bagi tahun 2013 dan sebanyak 94.18% bagi tahun 2014. Walau bagaimanapun, berlaku sedikit penurunan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 84.74%. Manakala bagi statistik tahun semasa (tahun 2016), sehingga November 2016 merekodkan sejumlah 1,250 permohonan diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 969 permohonan telah diputuskan. Secara peratusan permohonan selesai dalam piagam sehingga akhir November 2016 mencatat pencapaian lebih baik iaitu 90.20% atau 874 permohonan, meningkat 5.46% berbanding tempoh sama pada tahun 2015 iaitu 84.74%. Namun baki 9.8% permohonan selesai melebihi piagam berikutan semakan/ulasan agensi teknikal serta notis lot berjiran. Permohonan pembangunan terbanyak adalah di Seberang Perai Tengah dan diikuti masing-masing di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara.

Pada tahun 2016, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan terus komited dalam memacu pembangunan mampan di Seberang Perai, selari dengan hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub nasional dan serantau bagi pelancongan, perkhidmatan dan industri berteknologi tinggi. Ringkasan jumlah GDV bagi pembangunan hartanah di seluruh Seberang Perai berdasarkan pelan bangunan yang diluluskan bersama Borang B bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:-

<b>BULAN/TAHUN</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>BIL UNIT</b>	<b>GDV (RM)</b>
JANUARI-OKTOBER 2016	30	2,839	1,552,516,885
JANUARI-DISEMBER 2015	8	184	878,934,000

### **Projek BM My Home**

Pasukan Kerja Bandar Bukit Mertajam telah mengadakan latihan pembangunan semula Bandar Bukit Mertajam bersama pihak Yokohama pada 13 – 17 November yang lalu. Latihan kali ini bertumpu pada perbincangan pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam yang sedang dalam proses kajian oleh pihak USM dan kajian

pengekalan bangunan-bangunan bernilai warisan dan bersejarah di dalam Bandar Bukit Mertajam. Satu kajian tapak telah dijalankan pada 15 dan 16 November oleh Pasukan Kerja Bandar Bukit Mertajam bersama pihak Yokohama dan penduduk setempat bagi melihat senibina dan keadaan struktur kedai-kedai lama dan bangunan bersejarah seperti Jit Sin School yang mempunyai pengaruh di dalam pembangunan Bandar Bukit Mertajam. Pasukan Kerja Bandar Bukit Mertajam akan terus giat menjalankan program bersama penduduk setempat bagi menjayakan projek pembangunan semula Bandar Bukit Mertajam.

### **Projek Eco-City Batu Kawan**

Manakala bagi projek Eco-City, MPSP telah mengambil bahagian dalam MIP Excellence Award pada 18 Oktober 2016 bagi Kategori *Low Carbon City* melalui pembentangan Garis Panduan Eco City Batu Kawan. Walaupun MPSP tidak Berjaya memenangi kategori ini tetapi MPSP telah dijemput oleh Jawatankuasa Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi berkongsi pengalaman MPSP mengenai pelaksanaan Garis Panduan dan Pelan Induk Pembangunan Eco City Batu Kawan kepada ahli-ahli mesyuarat.

## **Program –Program Akan Datang**

Sementara itu, pada 13-15 Disember 2016, MPSP dengan kerjasama *United Cities and Local Government Asia-Pacific (UCLG- ASPAC)* akan menganjurkan *Local Economic Development (LED) Training*. Ini merupakan program antarabangsa kedua yang diadakan oleh MPSP. Oleh itu, saya berharap semua kakitangan dapat memberikan kerjasama untuk menjayakan program ini. Program ini selaras dengan New Urban Agenda 2030 yang di meterai di Quito, Ecuador pada 20 Oktober yang lalu.

Pada 13 dan 14 Januari 2017, YBhg. Dato' Yang Dipertua, Puan Rahida Binti Abdul Rahim, Penolong Akauntan dan Puan Zarina Binti Zainol, Penolong Pegawai Penilaian dan Pengurusan Harta akan menghadiri *International Forum on Gender Mainstreaming and Home Care di Hong Kong*. Untuk makluman, YBhg. Dato' Yang Dipertua dijemput sebagai speaker dan mendapat tajaan penuh oleh *Hong Kong Women's Coalition on Equal Opportunities* iaitu penganjur forum ini.

Sebagai penutup, suka saya menyeru sokongan padu dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada warga MPSP sekalian bagi

menjayakan segala transformasi dan perubahan positif dalam perjalanan kita menghadapi cabaran-cabaran akan datang. Kita juga perlu menjadi lebih cekap, lebih responsif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada *stakeholders* kita. Kita perlu tambahbaik dan kekalkan penarafan yang kita perolehi samaada di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Yang lebih penting adalah semua penarafan kita ini dapat dirasai oleh semua pembayar cukai di Seberang Perai

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.